




PROGRAM MENDEKATI MASYARAKAT (CEP)

www.singaporeunited.sg

APA?



RANGKAIAN ANGGOTA MASYARAKAT BAGI MENGURANGKAN KONFLIK

CEP menyatukan warga Singapura untuk meningkatkan kepercayaan dan persefahaman di antara mereka serta menarik penglibatan mereka dalam perancangan respons bagi menangani kemungkinan teretusnya ketegangan kaum ekoran daripada sesuatu krisis.


PERANCANGAN RESPONS UNTUK MENANGANI KRISIS

Anggota masyarakat perlu melakarkan perancangan respons bagi membantu warga Singapura agar dapat kekal bersatu dalam menangani krisis.

LEBIH DARIPADA SATU PERANCANGAN KECEMASAN ANTI-PENGGANASAN

Sesuatu krisis, umpamanya satu insiden penganasan, berpotensi menimbulkan salah faham dan ketegangan di antara masyarakat berbilang kaum dan agama di sini. CEP bertujuan mengukuhkan anggota masyarakat agar mereka dapat kekal bersatu semasa dan selepas berlakunya sesuatu krisis dan seterusnya dapat tinggal bersama dengan aman dan harmoni.

MENGAPA?




SINGAPURA MENGHADAPI ANCAMAN PENGGANASAN

Serangan 11 September di Amerika Syarikat pada 2001 serta serangan-serangan susulan di serata dunia menunjukkan bahawa penganasan hari ini ada kaitan dengan faham pelampau agama. Serangan sedemikian mampu menghancurkan kepercayaan, keyakinan dan kerharmonian di antara masyarakat berbilang kaum.

Kita harus bersedia untuk menangani kesan ke atas hubungan kaum seandainya berlaku serangan penganasan di Singapura. Kita tidak boleh mengambil ringan sikap saling percaya di antara kita serta hubungan harmoni yang kita nikmati hari ini.

SIAPA?



ANDA BOLEH MELAKUKAN SESUATU


Sumbangan anda amat penting untuk membina sebuah masyarakat yang bersatu dan teguh serta bersemangat tidak mudah luntur. Anda boleh menganjurkan atau mengambil bahagian di dalam kegiatan-kegiatan untuk mengukuhkan persefahaman dan menjalin ikatan antara masyarakat berbilang kaum, sementara pihak pemerintah pula menyelaraskan usaha-usaha seperti ini.

CEP diterajui oleh sebuah jawatankuasa peringkat menteri yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Ehwat Dalam Negeri, Encik Wong Kan Seng. Kementerian Ehwat Dalam Negeri (MHA) pula bertindak selaku agensi penyelaras bagi keseluruhan program, dengan lima agensi pemerintah lain bertanggungjawab mendampingi kelompok-kelompok tertentu:

KELOMPOK	AGENSI PENYOKONG
Kumpulan agama, pertubuhan berasaskan kaum serta badan kebajikan sukarela	Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan (MCYS)
Institusi pendidikan	Kementerian Pendidikan (MOE)
Media dan kumpulan seni	Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian (MICA)
Dewan perniagaan dan perusahaan, majikan serta kesatuan sekerja	Kementerian Tenaga Manusia (MOM)
Pertubuhan akar umbi	Persatuan Rakyat (PA)

Kami akan terus memudahkan perhubungan antara kelompok supaya setiap anggotanya dapat lebih mengenali antara satu sama lain. Ini bermakna sekiranya berlaku krisis, mereka akan memberi respons bukan sebagai orang yang tidak dikenali menghubungi antara satu sama lain, tetapi sebagai mereka yang telah bertemu, berbincang dan berlatih bersama.

BAGAIMANA?



MELIBATKAN DIRI

Kita semua mempunyai peranan masing-masing. Melalui CEP, kita boleh:

- memupuk persefahaman yang lebih kukuh antara masyarakat;
- memahami peranan kita sekiranya berlaku sesuatu krisis;
- melibatkan diri menerusi latihan; dan
- menyertai latihan-latihan kecemasan untuk mempersiapkan diri bagi memberi respons yang bersesuaian.

Sebagai permulaan, kita perlu mengukuhkan jalinan hubungan dengan jiran-jiran, rakan-rakan sekerja, serta teman-teman belajar dan bermain.

BERITAHU KAMI

Adakah anda ingin melibatkan diri di dalam CEP, atau mempunyai idea untuk dikongsi bersama? Jika ya, hubungi kami sekarang!

Sekretariat CEP
Emel:
singaporeunited@mha.gov.sg



Memupuk Perpaduan, Membina Ketahanan